

PENTING: SILA BACA LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK INI SEBELUM ANDA MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MENGAMBIL KAD DEBIT-i BANK ISLAM (BIDC-i). SILA PASTIKAN ANDA JUGA MEMBACA TERMA DAN SYARAT KAD DEBIT-i BANK ISLAM

**KAD DEBIT-i BANK ISLAM
BERMULA 13 FEBRUARI 2025**

1. Apakah Kad Debit-i Bank Islam (BIDC-i)

BIDC-i adalah merupakan salah satu kaedah pembayaran yang membolehkan anda menggunakan perkhidmatan Bank Islam dan membuat transaksi pembayaran secara terus dari akaun anda di Bank Islam ke premis rangkaian-rangkaian perniagaan dan perkhidmatan yang mengambil bahagian. BIDC-i yang ditawarkan adalah Visa atau Mastercard. Anda perlu mempunyai akaun di Bank Islam agar ia dapat dihubungkan dengan BIDC-i anda. Jika akaun tersebut ditutup, perkhidmatan BIDC-i anda akan terbatal secara automatik.

BIDC-i adalah berasaskan Konsep Ujrah iaitu suatu pembayaran dibuat oleh satu pihak di atas penggunaan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak satu lagi. Ujrah berlaku apabila Pemegang Kad bersetuju dan membayar fi-fi atau caj-caj yang dikenakan oleh Bank Islam ke atas penggunaan perkhidmatan yang disediakan menggunakan BIDC-i.

Berikut adalah usahasama BIDC-i:-

- a) Kad Debit-i Bank Islam Visa Team Harimau dikeluarkan dengan usahasama Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).
- b) Kad Debit-i Bank Islam Visa Kelab Bolasepak Negeri dikeluarkan dengan usahasama Persatuan Bola Sepak Negeri dibawah gabungan bersama Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).
- c) Kad Debit-i Bank Islam Visa Universiti (UniDebit) adalah gabungan fungsi Kad Debit-i Bank Islam Visa dan ID / Kad Matrix Universiti yang membolehkan pelanggan mengakses perkhidmatan Bank Islam dan aplikasi Universiti pelanggan dengan hanya menggunakan satu (1) kad sahaja.
- d) Kad Debit-i Bank Islam Visa Konfederasi Hoki Malaysia dikeluarkan dengan usahasama Konfederasi Hoki Malaysia (MHC).
- e) Kad Debit-i Bank Islam Visa Malaysia Rugby Union dikeluarkan dengan usahasama Malaysia Rugby Union (MRU).
- f) Kad Debit-i Bank Islam Visa Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dikeluarkan dengan usahasama Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).
- g) Kad Debit-i Bank Islam Visa Tabung Haji dikeluarkan dengan usahasama Lembaga Tabung Haji (TH).
- h) Kad Debit-i Bank Islam Visa Alumni Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dikeluarkan dengan usahasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).
- i) Kad Debit-i Bank Islam Visa Alumni Universiti Teknikal MARA dikeluarkan dengan usahasama Universiti Teknikal MARA.
- j) Kad Debit-i Bank Islam Visa Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dikeluarkan dengan usahasama Yayasan Didik Negara (YDN).

Pemegang akaun bawah umur (Berumur 12-17 tahun) adalah layak untuk memohon dan menggunakan BIDC-i (kecuali Kad Unidebit) bersama Akaun Simpanan-i Qard. Walau bagaimanapun, permohonan untuk BIDC-i pemegang akaun bawah umur mestilah disertakan dengan surat akuan ganti rugi yang ditandatangani oleh ibu bapa/penjaga.

Nota:

BIDC-i mempunyai ciri-ciri tanpa sentuh yang membolehkan anda membayar untuk barangan dan perkhidmatan dengan menyentuh atau melayangkan BIDC-i di pembaca/terminal tanpa sentuh.

2. Apakah Fi dan Caj yang perlu saya bayar?

<p>Fi Pengeluaran</p>	<ul style="list-style-type: none"> • RM10.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa Universiti (UniDebit) • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa Harimau • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa Kelab Bolasepak Negeri • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa Konfederasi Hoki Malaysia • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa Malaysia Rugby Union • RM10.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa Tabung Haji • RM12.00 - Kad Debit-i Bank Islam Visa Alumni Universiti Islam Antarabangsa Malaysia • RM12.00 - Kad Debit-i Bank Islam Visa Alumni Universiti Teknikal MARA • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Mastercard
<p>Yuran Tahunan (Yuran Tahunan tidak dikenakan kepada Pemegang Kad bagi tahun yang sama BIDC-i dikeluarkan)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • RM10.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa Universiti (UniDebit) • RM13.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa Harimau • RM15.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa Kelab Bolasepak Negeri • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa Konfederasi Hoki Malaysia • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa Persatuan Badminton Malaysia • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa Malaysia Rugby Union • RM10.00 - Kad Debit-i Bank Islam Visa Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa Koperasi Telekom Malaysia Berhad • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Alumni • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa Alumni Universiti Teknologi MARA • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa Alumni Universiti Pendidikan Sultan Idris • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa Tabung Haji • RM12.00 - Kad Debit-i Bank Islam Visa Alumni Universiti Islam Antarabangsa Malaysia • RM12.00 - Kad Debit-i Bank Islam Visa Alumni Universiti Teknikal MARA • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)

	<ul style="list-style-type: none"> • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa (<i>Nota: RM 2 akan disalurkan kepada dana kebajikan di bawah Sadaqa House.</i>) • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Mastercard (<i>Nota: RM 2 akan disalurkan kepada dana kebajikan di bawah Sadaqa House.</i>) <p>Untuk maklumat lanjut, sila layar https://www.bankislam.com/corporate-info/social-finance-bank-islam/sadaqa-house-bank-islam/</p>
Pengeluaran Wang Tunai di ATM Bank Islam	Percuma
Pengeluaran Wang Tunai di ATM melalui MEPS	<ul style="list-style-type: none"> • Bank Tempatan - RM1.00 setiap pengeluaran. • Bank Asing – RM1.00 setiap pengeluaran
Pengeluaran Wang Tunai di mana-mana ATM melalui rangkaian Visa atau Mastercard atau Visa Plus	<ul style="list-style-type: none"> • RM10.00 setiap pengeluaran
Fi penukaran bagi transaksi luar negara	<ul style="list-style-type: none"> • Kadar pertukaran seperti yang ditentukan oleh Mastercard International atau Visa International atau mana-mana pemilik jenama lain yang mana Bank merupakan ahlinya, ditambah fi penukaran 1.25% oleh Bank pada amaun Ringgit Malaysia yang ditukar.
Fi penggantian BIDC-i disebabkan oleh kehilangan, kecurian atau kerosakan	<ul style="list-style-type: none"> • Fi Penggantian Kad untuk Unidebit adalah ditentukan oleh pihak Universiti • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa Harimau • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa Kelab Bolasepak Negeri • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa Konfederasi Hoki Malaysia • RM12.00– Kad Debit-i Bank Islam Visa Malaysia Rugby Union • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa Tabung Haji • RM12.00 - Kad Debit-i Bank Islam Visa Alumni Universiti Islam Antarabangsa Malaysia • RM12.00 - Kad Debit-i Bank Islam Visa Alumni Universiti Teknikal MARA • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Visa (<i>Nota: RM 2 disalurkan kepada dana kebajikan di bawah Sadaqa House.</i>) • RM12.00 – Kad Debit-i Bank Islam Mastercard (<i>Nota: RM 2 disalurkan kepada dana kebajikan di bawah Sadaqa House</i>) <p>Untuk maklumat lanjut, sila layar https://www.bankislam.com/corporate-info/social-finance-bank-islam/sadaqa-house-bank-islam/</p>

Fi permintaan salinan draf jualan	<ul style="list-style-type: none"> • Asal - RM15.00 setiap slip. • Salinan - RM5.00 setiap slip.
Fi permintaan salinan Penyata Akaun Semasa	<ul style="list-style-type: none"> • Harian – RM3.00 setiap permohonan • Mingguan – RM5.00 setiap permohonan • Dalam tempoh 1 tahun – RM1.00 setiap salinan + RM5.00 setiap permohonan • Melebihi 1 tahun – RM1.00 setiap salinan + RM10.00 setiap permintaan
Pertanyaan baki di ATM Bank Islam melalui MEPS	Percuma
Transaksi Tabung Haji di ATM Bank Islam	<ul style="list-style-type: none"> • RM1.00 setiap transaksi pengeluaran wang tunai • RM1.00 setiap transaksi simpanan wang tunai
Transaksi SSPN-i di Bank Islam	<ul style="list-style-type: none"> • Percuma bagi setiap transaksi pertanyaan baki • Percuma bagi setiap transaksi deposit • RM0.50 bagi setiap transaksi pindahan baki dari/ke akaun SSPN-i • RM0.50 bagi setiap pengeluaran dari akaun SSPN-i

3. Apakah terma dan syarat utama?

a) Baki Minimum

Anda perlu mengekalkan baki minimum di dalam akaun anda untuk tujuan pendebitan yuran tahunan. Baki minimum mungkin berbeza mengikut jenis akaun yang dihubungkan dengan BICD-i. Untuk maklumat lanjut mengenai syarat baki minimum dalam akaun masing-masing, sila rujuk laman web Bank Islam di www.bankislam.com

b) Belian Runcit

Anda boleh menggunakan BICD-i untuk melakukan transaksi runcit untuk membeli barangan dan perkhidmatan daripada lebih 80 juta peniaga di seluruh dunia. Transaksi ini tertakluk pada had asal harian sebanyak RM3,000. Anda boleh mengubah had pembelian runcit ini dengan sendiri sehingga RM10,000 melalui ATM Bank Islam atau cara lain yang akan dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Sebagai alternatif, anda boleh mengunjungi cawangan terdekat kami atau menghubungi Pusat Panggilan melalui talian +603 26 900 900 untuk mengubah had pembelian runcit melebihi RM10,000 tetapi maksimum sehingga RM30,000.

c) Caj Pra-Kebenaran

Caj pra-kebenaran merujuk amaun pra-kebenaran yang akan didebitkan ke Akaun apabila Pemegang Kad membuat pembayaran menggunakan Kad untuk pendaftaran bilik di hotel atau apa-apa transaksi lain yang memerlukan pra-kebenaran. Caj prakebenaran yang dimaksudkan adalah untuk kelulusan transaksi sahaja. Jumlah pra-kebenaran akan dilepaskan apabila jumlah transaksi sebenar telah didebitkan dari Akaun.

Jenis Transaksi	Amaun Yang Dicaj
Hotel	Daftar Masuk Caj Pra-Kebenaran akan dikenakan.
	Daftar Keluar Jumlah Caj Pra-Kebenaran akan dibatalkan serta merta dan jumlah yang sebenar akan dicaj.

d) Transaksi tanpa sentuh (Wave)

Kad dengan ciri tanpa sentuh (yang tidak memerlukan PIN/tandatangan) boleh digunakan di kesemua rakan dagang yang mengambil bahagian dengan jumlah maksimum RM250 setiap transaksi atau

RM2,000 sehari. Ciri tanpa sentuh untuk pemegang BIDC-i bawah umur adalah sehingga RM250 setiap transaksi, tertakluk pada jumlah maksimum RM300 sehari.

Untuk pembelian melebihi RM250, anda dikehendaki memasukkan PIN 6-digit seperti belian runcit biasa. Anda boleh meminta untuk menyekat atau mengaktifkan ciri tanpa sentuh dan menentukan had kumulatif transaksi tanpa sentuh harian anda melalui ATM Bank Islam atau cara lain yang akan dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Sebagai alternatif, anda boleh mengunjungi cawangan terdekat kami atau menghubungi Pusat Panggilan melalui talian +603 26 900 900.

e) Pengeluaran Tunai

Anda boleh melakukan transaksi pengeluaran tunai di pusat pengeluaran tunai Bank dan di mana-mana Pusat Pengeluaran Tunai Sah yang mempamerkan logo Visa/Mastercard/Visa Plus dan logo MEPS. Jumlah tunai maksimum yang boleh dikeluarkan ialah RM5,000 sehari.

Anda juga boleh melakukan transaksi pengeluaran tunai melalui terminal "Point-of-Sale" (POS) di Saudagar Sah yang terpilih sehingga RM500.00 setiap transaksi dan tertakluk pada had harian sebanyak RM2,000 dengan syarat pembelian runcit dibuat dengan menggunakan BIDC-i. Maklumat lanjut dan senarai Saudagar Sah boleh didapati di laman web Bank Islam www.bankislam.com

f) Transaksi Luar Negara dan Transaksi Tanpa Kad ("Card Not Present" - CNP)

Kad Debit-i Bank Islam dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang tinggi dengan aplikasi '3D Secured' yang memerlukan pengesahan kata laluan 'One-Time-Password' (OTP) untuk anda melakukan transaksi runcit di luar negara dan/atau transaksi tanpa kad (CNP). Transaksi CNP adalah termasuk transaksi Mail Order Telephone Order (MOTO), transaksi potongan terus dan juga transaksi melalui internet. Walau bagaimanapun, ada di antara sesetengah peniaga bagi transaksi di luar Negara dan transaksi CNP yang dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang tinggi tanpa aplikasi "3D Secured". Sekiranya anda melakukan transaksi di luar negara dan/atau transaksi tanpa kad yang TIDAK melalui proses aplikasi '3D Secured', Risiko-risiko yang perlu ditanggung oleh anda adalah seperti berikut:

- i. Maklumat Kad Debit-i Bank Islam anda mungkin boleh dicuri dan/atau disalah guna oleh pihak tertentu;
- ii. Maklumat yang telah dicuri itu mungkin akan digunakan untuk melakukan transaksi-transaksi yang tidak sah;
- iii. Transaksi yang tidak sah tersebut akan menyebabkan anda tidak dapat menggunakan had anda sepenuhnya sehinggalah proses siasatan berhubung dengan transaksi tidak sah tersebut selesai.

Anda dikehendaki membuat pilihan sama ada untuk bersetuju dan membolehkan transaksi di luar negara dan transaksi CNP atau tidak ketika proses pengeluaran BIDC-i.

Jika sebelum ini anda telah pun bersetuju untuk menyertai (atau sebaliknya) dan kemudiannya menukar keputusan anda, anda boleh menyekat atau mengaktifkannya melalui ATM Bank Islam atau cara lain yang akan dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Sebagai alternatif, anda boleh mengunjungi cawangan terdekat kami atau menghubungi Pusat Panggilan melalui talian +603 26 900 900.

g) Ahli BIDC-i Bawah Umur

Had transaksi runcit dan pengeluaran tunai bagi Ahli BIDC-i Bawah Umur adalah:

- i. Amaun maksimum transaksi runcit sebanyak RM300.00 sehari dan tertakluk kepada maksimum 20 transaksi sehari;
- ii. Amaun maksimum pengeluaran tunai sebanyak RM1,000 sehari

h) Keistimewaan Khas Kad Debit-i Bank Islam Visa Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

- i. Anda boleh melakukan transaksi (pengeluaran tunai, deposit dan pemindahan dana) di ATM, transaksi Point-Of-Sale (POS), transaksi dalam talian, pembayaran bil dan akses ke akaun SSPN-i
- ii. Ahli Kad akan menikmati Bank Islam Mata Ganjaran TruRewards (TruPoints):
 - Ahli Kad berhak memperoleh 1 (satu) TruPoints untuk setiap perbelanjaan runcit RM1 (satu) yang dilakukan di Malaysia dan luar negara dengan kad tersebut;
 - TruPoints yang diperolehi akan dikumpulkan dalam akaun Ahli Kad TruRewards

- TruPoints terkumpul yang diperoleh dari Kad Debit-i Bank Islam Visa PTPTN akan ditebus secara automatik oleh Bank Islam ke e-baucar PTPTN (setiap kadar penebusan 2,000 TruPoints adalah RM10) dan dikreditkan terus ke dalam Akaun SSPN-i Ahli Kad setiap bulan;
 - Sekiranya Ahli Kad tidak mempunyai akaun SSPN-i, penebusan e-baucar PTPTN akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman PTPTN Ahli Kad
 - TruPoints yang diperoleh dari Kad Debit-i Bank Islam Visa PTPTN tidak dapat ditebus untuk item lain yang ditawarkan dalam Bank Islam “TruRewards Loyalty Program”
- iii. Sila rujuk halaman TruRewards <https://trurewards.bankislam.com.my/trurewards/home> untuk maklumat lebih lanjut mengenai Bank Islam “TruRewards Loyalty Program”

4. Apakah tanggungjawab saya?

Sebagai pemegang kad, anda mestilah:-

- a) Mematuhi terma dan syarat-syarat bagi penggunaan BIDD-i;
- b) Mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menjaga BIDD-i dan memastikan PIN anda selamat sepanjang masa, termasuk di kediaman anda. Ini adalah termasuk untuk tidak:
 - i. mendedahkan butir-butir BIDD-i atau PIN kepada orang lain;
 - ii. menulis / merekodkan PIN BIDD-i, atau menyimpannya di kawasan berdekatan dengan BIDD-i;
 - iii. menggunakan tarikh lahir anda, nombor kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon anda sebagai PIN
 - iv. membenarkan orang lain untuk menggunakan BIDD-i dan PIN anda; atau.
 - v. meninggalkan BIDD-i atau apa sahaja yang mengandungi BIDD-i dalam keadaan tanpa pengawasan, di tempat-tempat yang boleh dilihat dan boleh diambil oleh orang lain
- c) Memaklumkan kepada pihak Bank sebaik sahaja selepas mengetahui BIDD-i telah hilang, dicuri, urus niaga tanpa kebenaran telah berlaku atau PIN mungkin telah terjejas;
- d) Memaklumkan kepada pihak Bank dengan serta-merta apabila menerima mesej pesanan ringkas (SMS) mengenai transaksi tanpa kebenaran telah berlaku;
- e) Memaklumkan kepada pihak Bank dengan serta-merta mengenai sebarang pertukaran nombor telefon;
- f) Menggunakan BIDD-i dengan bertanggungjawab, termasuk tidak menggunakan BIDD-i untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang; dan
- g) Menyemak penyata akaun anda serta melaporkan sebarang percanggahan dengan serta merta.
- h) Memastikan maklumat perhubungan anda (nombor telefon, alamat e-mel, alamat surat-menyurat dll.) di Bank adalah benar dan terkini.
- i) Untuk membaca tips atau amaran keselamatan yang disiarkan di laman web Bank atau aplikasi perbankan mudah alih, termasuk kenyataan dasar privasi Bank, sebelum memberikan maklumat sulit kepada Bank atau pihak ketiga.

5. Bagaimanakah sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- a) Anda bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan PIN jika anda telah:
 - i. Bertindak melakukan penipuan;
 - ii. Lewat memaklumkan pihak Bank sebaik sahaja selepas mendapati kehilangan BIDD-i atau adanya penggunaan BIDD-i tanpa kebenaran;
 - iii. Mendedahkan PIN anda kepada orang lain secara sukarela
 - iv. Menulis / merekodkan PIN BIDD-i anda, atau apa-apa sahaja yang disimpan di kawasan berdekatan dengan BIDD-i
- b) Anda bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandatangan atau penggunaan kad tanpa sentuh jika anda telah:
 - i. Bertindak melakukan penipuan;

- ii. Lewat memaklumkan pihak Bank sebaik sahaja selepas mendapati kehilangan BIDC-i atau adanya penggunaan BIDC-i tanpa kebenaran;
- iii. Meninggalkan BIDC-i anda atau apa sahaja yang mengandungi BIDC-i anda dalam keadaan tanpa pengawasan, di tempat-tempat yang boleh dilihat dan boleh diambil oleh orang lain; dan
- iv. Membenarkan orang lain menggunakan BIDC-i anda secara sukarela.

6. Apakah risiko-risiko utama?

BIDC-i anda boleh hilang, dicuri atau disalahgunakan. Sila hubungi Bank di talian + 603 26 900 900 dengan **SERTA MERTA** selepas mendapati BIDC-i anda hilang atau dicuri.

7. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat perhubungan saya?

Adalah sangat penting bagi anda untuk memaklumkan kepada pihak Bank perubahan maklumat perhubungan bagi memastikan semua urusan surat-menyurat dan mesej pesanan ringkas (SMS) mengenai transaksi tanpa kebenaran sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh hubungi Pusat Panggilan kami di + 603 26 900 900 atau mengemas kini maklumat anda di mana-mana cawangan yang berhampiran.

8. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:-

Pusat Kad Bank Islam
Aras 24, Menara Bank Islam,
No. 22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur
Tel.: 03-2726 7666
E-mel: picc.customer.service@bankislam.com.my
Laman web: www.bankislam.com

Jika anda ingin membuat aduan terhadap produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, sila hubungi kami di:

Contact Centre & Customer Care
Bank Islam Malaysia Berhad
Aras 17, Menara Bank Islam
No. 22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur
Tel.: 03-2690 0900
Faks: 03-2782 1337
E-mel: contactcenter@bankislam.com.my atau customercare@bankislam.com.my

Jika kami tidak menyelesaikan pertanyaan atau aduan anda dengan memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
Tel.: 1-300-88-5465
Faks: 03-2174 1515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

9. Pakej lain BIDC-i?

Semua BIDC-i umum dan usahasama telah disenaraikan dalam dokumen ini.

Maklumat yang terkandung di dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah bermula 13 Februari 2025

Pengesahan Penerimaan oleh Pelanggan

.....

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Tarikh: